

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan'

Agong, Tuanku Hisamuddin Alam Shah ibni Al-Marhum

Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan

Selangor, yang telah dipilih menjadi Ketua Negara

Persekutuan Tanah Melayu yang baharu, pada hari

Khamis 18 Syawal 1379 (14 April 1960)

yang lalu.

Baginda telah dipilih dalam satu Persidangan

Khas Raja-raja Melayu, yang telah bersidang di Istana

Negara, Kuala Lumpur, pada hari itu.

Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Syed Putra

ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah dipilih

menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Dalam upacara mengangkat sumpah pada petang itu

yang disaksikan oleh Raja-raja Melayu, Hakim Besar,

Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, Menteri-menteri Besar

dan Ketua-ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Negara dan

Tuan Pengerusi Dewan Rakyat, baginda telah berikrar

akan taat setia menjalankan pemerintahan negara

dengan adil dan memelihara serta mengawal agama Islam.

Baginda telah berikrar seperti berikut:

“Kami Hisamuddin Alam Shah al-Haj ibni

al-marhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah Yang di-Pertuan

Agong bagi Persekutuan Tanah Melayu bersumpah dengan

melaafazkan:

“*Wallāh, wa billāh, wa tallāh*, maka dengan lafaz ini

berikrarlah kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya

mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya

pemerintahan bagi Persekutuan Tanah Melayu dengan mengikut

sebagaimana undang-undang dan perlombagaan negeri yang telah



sah dan dimasyhurkan dan yang akan disah dan dimasyhurkan padan masa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.”

Perkembangan Islam dan Kebudayaannya

Baginda terkenal sangat mengambil berat tentang perkembangan agama Islam dan kebudayaannya. Sebuah istana baginda di Klang telah dihadiahkan menjadi bangunan Kolej Islam

- pusat pengajian Islam di tanah air. Baginda juga

Raja Melayu yang pertama sekali berangkat menunaikan fardu

haji ke Makkah al-Mukarramah. Baginda juga telah melawat England,

Jawa, Sumatera dan Siam.

Baginda diputerakan pada 13 Mei 1898. Mendapat

pelajaran di Sekolah Melayu Bandar Kuala Langat dan

di *Malay College Kuala Kangsar*. Pada 4 April 1938 baginda

telah naik takhta kerajaan menggantikan ayahanda baginda.

Permaisuri Agong ialah Raja Jemaah binti Al-Marhum

Raja Ahmad.

Berdoa dan Mengucapkan Takziah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong, Tuanku Hisamuddin Alam Shah sewaktu memberi

titah diraja dalam Parlimen pada 19 April yang lalu, telah

meminta sekalian anggota-parlimen berdoa ke hadrat Allah

subḥānahu wa ta ‘ālā mudah-mudahan dicucuri-Nya rahmat ke atas

roh Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad dan

mengucapkan takziah kepada Tengku Kurshiah, permaisuri

Al-Marhum baginda.

“Di sepanjang masa Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman

bersemayam di atas singgahsana kerajaan sebagai


Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Al-Marhum telah memerintah dengan

adil dan bijaksana.

“Rakyat jelata sekalian telah menumpahkan taat

setia dan kasih sayang kepada baginda dan Almarhum telah

menunjukkan suatu contoh yang gilang-gemilang yang harus



Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu sedang bersidang di Istana Negara Kuala Lumpur untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Persidangan itu telah berlangsung pada 14 April 1960 yang lalu.

Gambar menunjukkan (dari kiri), Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan: Johor, Perak, Kelantan, Selangor, Raja Perlis, Pahang, Terengganu, Kedah dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.



Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong,

Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hasan Jamalullail

**yang telah dipilih dalam Persidangan Khas Raja-raja Melayu
pada 14 April yang lalu.**

Baginda diputerakan pada 25 November 1920 dan

naik takhta kerajaan Perlis pada 4 Disember

**1945. Sebelum itu, baginda pernah memegang beberapa
jawatan pertadbiran negeri.**

dikenang oleh Yang di-Pertuan-Yang di-Pertuan Agong kemudian daripada Al-Marhum itu.

“Kita bersama-sama menyertai perasaan duka nestapa

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Kurshiah atas kemangkatan Almarhum itu. Duli Yang Maha Mulia sesungguhnya

sentiasa bersama-sama di sisi Almarhum membantu pada menjayakan tanggungan Almarhum yang berat-berat. Sambil rakyat negara ini masyghul, mereka juga berasa megah dengan pemerintahan kedua-dua baginda itu.”

Undang-undang Darurat Dibatalkan

Tatkala mengisyiharkan tentang Undang-undang Darurat yang akan dibatalkan pada 31 Julai yang akan datang, baginda telah meminta sekalian rakyat supaya berjaga-jaga mengawas anasir-anasir jahat yang sedang meresap-resap dalam masyarakat.

“Marilah kita bersama-sama memohon taufik dan hidayah daripada Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā* supaya kemenangan yang telah kita capai itu tiada sia-sia sahaja melainkan memberi perangsang kepada kita untuk memulakan usaha membina Persekutuan Tanah Melayu yang lebih aman dan lebih makmur.” titah baginda.

Baginda menegaskan bahawa rakyat negeri ini terhutang budi kepada Pasukan Keselamatan Tanah Melayu dan Commonwealth kerana keberanian mereka semenjak dua belas tahun yang lalu menjalankan kewajipan dalam perjuangan menamatkan darurat.

Kerajaan Berazam Menghancurkan Parti Komunis

Tatkala menyatakan azam kerajaan hendak membinasakan Parti Komunis Malaya, baginda bertitah:

“Kerajaan Perikatan yakin bahawa negara ini tiada akan mencapai sebenar-benar keamanan melainkan keganasan komunis dihapuskan semua sekali. Oleh itu dasar kerajaan beta yang utama semenjak merdeka ialah hendak menjadikan negeri aman dan membinasakan semua sekali Parti Komunis Malaya yang telah merosakkan keamanan dan kemakmuran tanah air kita.”


Kemenangan yang Gilang-gemilang

“Dengan usaha yang tidak berhenti-henti dan keazaman yang kuat negara kita telah mencapai kemenangan yang besar ini, iaitu suatu kemenangan yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah zaman ini....”

Memajukan Orang-orang Melayu

Mengenai usaha memajukan kawasan luar bandar, baginda menegaskan bahawa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan membuka jalan-jalan raya, dan mengadakan rancangan-rancangan untuk melatih orang-orang kampung supaya memperbaiki

darjah kehidupan mereka. Kerajaan bukan sahaja mengambil berat dalam perkara pertanian dan perusahaan kampung, tetapi juga menggalakkan orang-orang Melayu mengambil bahagian yang lebih iaitu dengan cara menjalankan penyiasatan mencari bijih dalam kawasan-kawasan tanah simpanan untuk orang-orang Melayu dengan perbelanjaan kerajaan. Dengan tujuan hendak menggalakkan supaya ramai orang-orang Melayu membuat permohonan membuka lombong dan juga dengan cara memberi hadiah pelajaran kepada mereka untuk belajar bagi melayakkan diri mereka memegang jawatan-jawatan yang tinggi dalam perusahaan itu.



Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dalam upacara Pembukaan Parlimen, di Dewan Tengku

Abdul Rahman Kuala Lumpur, pada 19 April 1960 yang lalu.

Gambar menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman Putra, sedang menyembahkan surat titah diraja kepada baginda, dengan diperhati oleh Yang Maha Mulia Baginda Permaisuri Agong.

* Perbezaan Al-Marhum dan Almarhum adalah yang pertama digunakan sebagai kata nama rasmi, dan kedua adalah kata ganti kepada raja yang sudah mangkat.